

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN NO. 122

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Karai dan Klinik Kesihatan Lintang yang daif dan tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan menaik taraf Klinik Kesihatan Karai dan Klinik Kesihatan Lintang bagi menampung jumlah pesakit yang meningkat.

Sehubungan itu, di dalam RMK11, kedua-dua klinik ini telah diberi peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf bangunan di mana Klinik Kesihatan Karai diberikan peruntukan sebanyak RM94,100.00 bagi membuat kerja-kerja naik taraf unit kecemasan, penyelenggaraan dan pembaikan am elektrik. Bagi Klinik Kesihatan Lintang pula, peruntukan sebanyak RM153,000.00 telah diberikan bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan dan pembaikan am elektrik serta pembinaan *feeder pillar*.

Untuk penambahbaikan jangka masa panjang, memandangkan tapak kedua-dua klinik adalah terhad, KKM bercadang untuk membuat perolehan tanah seluas lima (5) ekar bersebelahan dengan KK Lintang (keluasan 2.9 ekar) bagi menaik taraf klinik tersebut. Bagi Klinik Kesihatan Karai (keluasan 1.78 ekar), pihak KKM sedang mencari tapak yang bersesuaian untuk projek menaik taraf klinik sedia ada atau pembinaan Klinik Kesihatan yang baharu. Cadangan pembangunan kedua-dua klinik akan dipohon setelah perolehan tanah selesai dibuat.

Sekian, terima kasih.